

PAKATAN HARAPAN
Chedet.cc
10 April 2018
Tun Dr Mahathir Mohamad

Kami bergabung menubuh Pakatan Harapan.

Bukan untuk kami, bukan untuk jawatan

Kami bergabung untuk bangsa dan negara

Hanyalah ini yang mempunyai makna

Di Negara kami demokrasi tidak lagi bernyawa

Segala asasnya sudah dimusnah sehingga kekerangka

Perlembagaan, Undang-undang tidak lagi melindungi sesiapa

Sebaliknya semua ini menekan rakyat jelata

Rakyat mengeluh kerana hidup merana

Parti-parti bersendirian tidak dapat buat apa-apa

Tetapi gabungan mereka lain cerita

Yang lemah tiba-tiba menjadi juara

Harapan rakyat sekarang sudah muncul

Sokongan rakyat menjamin kejayaan

Ketengahkan semangat hapuskan yang bacul

Yakinlah gabungan yang disokong tetap berkesan

Oleh itu tolonglah kami untuk menolong kamu

Kerana akhirnya nikmat usaha ini adalah untuk semua

Kamu untuk kami, kami untuk kamu

Untuk bangsa, agama dan negara.

SOKONGLAH PAKATAN HARAPAN!

11 thoughts on "PAKATAN HARAPAN"

1.



2. [Log in to Reply superSepantun](#) Apr 11, 2018 9:28 AM

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Asalamualaikum

SalamSejahtra,

Selawat & Salam ke atas Baginda..

https://youtu.be/Xv_O4cf9GEg

1,2,3,4,

Ahad,

Isnin,

Selasa,

Rabu...

1.2.3.4.

Dapat pimpin, sapa tentu?

https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Surah_al-Fatihah

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

مُدِّ لِيْهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ الْحَدِّ

الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

مٰلِكَ يَوْمِ الدِّيْنِ

اِيْتٰكَ نَعْبُدُ وَاِيْتٰكَ نَسْتَعِيْنُ

اِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ

صِرَاطَ الَّذِيْنَ اَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوْبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّيْنَ

Ameen

1234567

BersatuTeguh

ان شاء الله

3.



4. [Log in to Reply Noor Faiza](#) Apr 11, 2018 1:57 AM

Hari Rabu kita pangkah mata terbeliak ye Tun. Tun For PM. Say No To GST

5.



6. [Log in to Reply](#) **Cedric Evan** [Apr 11,2018 1:40 AM](#)

Tun,

dalam pertubuhan Pakatan Harapan ini....belia2 d dalam Gen X harus bersuara juga kerana saya adalah DAPSY dripada Sabah tetapi berbangsa Kadazan....saya tidak sanggup lagi melihat harta Malaysia dan rakyat di sini disisikan....kerana Tun adalah calon akan bertanding untk wawasan negara....saya tidak takut lagi untuk berdepan dengan kerajaan kerana sama-sama kita perjuangkan demi tanah air Malaysia....belia-belia dan yang berumur itu harus berpatriotik kepada negara kita....lagipun Tun...rakyat kita sekarang suda bingung kerana 1MDB dan masalah korupsi yang paling gempak skali sehingga menyebabkan nama negara kita jatuh....sehingga menyebabkan rakyat-rakyat kita membuat satu perspektif iaitu jika politik mereka selalu menggunakan satu penipuan....itulah menyebabkan rakyat kita sekarang kurang untuk keluar mengundi Tun....

Saya sebagai belia dan patriotik kepada Malaysia.....kita semua harus keluar mengundi walaupun saya hanya 20 Tahun tetapi saya berhak untuk bercakap demi keamanan dan nama Malaysia kita

namun bagaimana Tun....boleh Tun jawab pertanyaan saya....dalam mengikuti politik ini perlukah saya ambi diploma dalam undang-undang untuk mendapatkan hak kami sebagai rakyat untuk membela Tanah air kita?

7.



8. [Log in to Reply](#) **rimba.emas** [Apr 10,2018 11:48 PM](#)

Salam Tun.

1. " Tolonglah kami untuk menolong kamu". Salah satu permintaan pihak Pakatan Harapan.

2. Minta bantuan dari rakyat untuk undi pihak Pakatan Harapan menjadi pemerintah dengan menewaskan BN.

3. Bila jadi pemerintah barulah dapat membetulkan perkara-perkara yang membebankan rakyat atau lebih tepat lagi tidak mengambil harta negara untuk kepentingan diri serta merampas hak rakyat.
4. Kenyataan ini menjelaskan bahawa ada pihak kepimpinan yang cuba memulihkan negara Malaysia telah di halang oleh pihak pemerintah.
5. Berbagai pendekatan telah di gunakan tetapi semuanya gagal. Hanya tinggal satu sahaja suara rakyat iaitu melalui peti undi.
6. Rupanya rakyat bawahan dengan mengundi dapat melantik seseorang itu menjadi pemimpin. Pemimpin yang rakyat pilih ini rupanya akan menolong rakyat kembali dengan agihan hasil negara.
7. Sekarang rakyat dan pemimpin terpaksa bekerjasama untuk menolak seorang pemimpin yang telah merosakkan sebahagian rakyat dan negara.
8. Tolong menolong ini terpaksa ditambah dengan satu pengorbanan untuk mengatasi halangan yang di adakan pihak pemerintah.
9. Rakyat sendiri boleh kenal dengan tingkah laku seorang talibarut kepada kerajaan. Bila tindakan di ambilnya amat berlawanan dengan rakyat ramai.
10. Salah satu contoh ialah seperti pemilihan tarikh mengundi Pru 14 kali ini. Walau pun terdahulu ada yang di buat pada hari bukan cuti umum.
11. Kehidupan rakyat yang bersatu padu dapat di lihat dengan tindakan mengadakan majlis kenduri pada cuti umum agar ramai pihak datang untuk memeriahkan majlis.
12. Tindakan SPR dengan tarikh yang menyusahkan rakyat untuk keluar mengundi mengundang seribu pertanyaan. Nampak macam satu percubaan untuk mengurangkan kedatangan pengundi.
13. Pakatan Harapan dan rakyat perlu pengorbanan untuk menzahirkan kejayaan.

Wallahua'lam.

9.



10. [Log in to Reply mohdharris](#) Apr 10,2018 11:03 PM

Salam Tun,

God wills, Pakatan Harapan will be in power soon after the G14. I wish to highlight a very important issue in this post. Please drop the nation's vision to become the World Halal Hub in the coming year 2020. Please study this the contents of this link for the benefit of all Malaysians....

<https://www.facebook.com/photo.php?fbid=1963890723859269&set=gm.165177487418067&type=3&permPage=1&ifg=1>

Salam.

11.



12. [Log in to Reply](#) **mattahir** Apr 10,2018 11:01 PM

Dear Tun,
Erratum in the previous msg, year 2017 should have been 2018. Anyway, Why is it so difficult for EC to register people? If election is May 09th, why not put a dateline of e.g. 30 days. That is still quite a time frame, considering we are now in digital era.

13.



14. [Log in to Reply](#) **mattahir** Apr 10,2018 8:48 PM

Persempadanan semula disondol dengan tergesa-gesa di Parlimen pada saat amat dekat dengan pilihanraya. Ini kerana BN tidak mahu berdepan apa-apa kes mahkamah dalam melanggar perlembagaan tentang peraturan 1 rakyat 1 undi. Penipuan pilihanraya sudah berlaku apabila pengundi bandar saiznya berkali ganda dari pengundi luar bandar. Sesiapa yang percaya akan perelmbagaan tidak akan menerima sahaja penipuan jelas ini

Tarikh PRU14 pula diberitahu dibuat di waktu hari bekerja di pertengahan minggu.

Pengundi yang berdaftar 2017 pula tidak dibenar mengundi.

Hari ini "semakan daftar pengundi" online tidak berfungsi. Tidak mustahil nama pengundi banyak sudah dialihkan dan semakan disekat.

Semua ini dibuat oleh BN untuk menggagalkan hak rakyat Malaysia, sebab mereka tahu mereka ini adalah gerombolan penjenayah yang melindungi MO1.

Mereka tahu akan kesalahan mereka dan tiada sebab untuk mematuhi perlembagaan yang merupakan undang-undang tertinggi sesebuah negara

Bukti-bukti di atas menunjukkan BN-lah perikatan yang kini sebenarnya merupakan ancaman terhadap demokrasi berpalingan yang merupakan hak rakyat

15.



16. [Log in to Reply](#) **amd trmz** [Apr 10,2018 6:59 PM](#)

NEJIB PENGEKUT!!!! BACUL!!

Untuk mengelakkan 85 peratus keluar mengundi, mengundi hari kerja.. WTF!!

Seperti kata tun kita perlukan 85 peratus keluar mengundi untuk menang.

Kotor sungguh taktik ni

17.



18. [Log in to Reply](#) **adelheid** [Apr 10,2018 6:06 PM](#)

Dear Tun,

Kami satu keluarga besar beserta rakan-rakan semua sudah bersedia untuk keluar mengundi PAKATAN HARAPAN tidak kira logo tidak kira hari, tidak kira mengundi dekat mahupun jauh. Kami sudah bertekad. Kami sudah penat dengan pemerintah UMNO-BN yang begitu membuli dan mempermainkan rakyat, memperguna rakyat demi kelangsungan hidup mewah segelintir pemimpin yang rakus dan penipu.

Kami berdoa semoga Tuhan memberkati perjuangan rakyat yang mahukan kedamaian kehidupan normal sebuah negara demokratik, bukan negara yang rakyat takut kepada pemimpin sehingga takut bersuara takut bergerak ke mana pun.

Tun Mahathir jaga diri sebaik mungkin jaga keselamatan di dalam keadaan yang menghampiri pilihanraya ini kita tak tahu apa pun boleh berlaku dalam situasi negara kita yang sudah tidak mengenal undang-undang.

Dear all PAKATAN HARAPAN leaders,

please make sure your safety as well. Remember that desperados will do anything to sustain their existence! Even if they must kill!

Take very good care of yourself your safety Tun Dr. Mahathir, and Tun Dr. Siti Hasmah too.

19.



20. [Log in to Reply](#) **RD.**[Apr 10,2018 10:10 AM](#)

Salam Tun.

Saya tidak berParty. Dulu sokong UMNO. (Sebelum scandal Jho Low-1MDB meletop dan bakar jambatan setelah TS Muhyiddin, DS Shafie Afdal & D Mukhriz dipecat/tersingkir).

Oleh yang demikian, saya akan pastikan keluarga saya (4 undi) akan mengundi PAKATAN HARAPAN. Saya juga akan cuba mendekati anak-anak muda, terutamanya yang melepak di restoran mamak dan bersembang dengan mereka mengenai beban-hutang 1MDB-Jho Low yang akan di tanggung anak-cucu kita. Saya akan menceritakan kepada anak-anak muda, jiran-jiran & sanak-saudara saya, musibat yang akan menimpa Bangsa, Agama & Negara jika Kleptocracy terus menjadi Kerajaan.

Saya juga akan menceritakan bagaimana tanah-pusaka Rakyat yang paling bernilai, termasuk tanah-milik Tentera, telah tergadai kepada pihak-asing hanya kerana mahu bayar hutang, termasuk bunga-hutang/denda lewat bayar. Bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) terpaksa membeli 22.58 hektar tanah daripada kerajaan, pada harga RM2 bilion untuk digunakan sebagai penempatan semula Universiti Kewangan Islam Global dan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam.

#Hidup UMNO-Najib, Hidup Jho Low.
#Yang sedap Jho Low. Paris Hilton pun, dia boleh kongkek.
#Ingat UMNO-Najib, ingat Razak Baginda (Altantuya), Deepak Carpet & Jho Low.

Hidup Tun Dr.M, Hidup Pakatan Harapan.

21.



22. [Log in to Reply](#) **abbasziae**[Apr 10,2018 9:58 AM](#)

KAMU UNTUK KAMI , KAMI UNTUK KAMU ...always and forever....

© 2018 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2837>